

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 11/11/2018  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 11  
Tajuk : ANGKASA sedia bantu golongan autisme

# Angkasa sedia bantu golongan autisme

Kosmo 11/11/2018 ms 11



SEORANG sukarelawan (tengah) membantu dua remaja autisme mengisi tanah ke dalam pasu di Akademi Remaja Islam Autisme dekat Kuala Lumpur semalam.

**KUALA LUMPUR** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) mencadangkan agar Akademi Remaja Islam Autisma (Arisma) menubuhkan koperasi bagi memantapkan lagi kedudukan ekonomi golongan itu pada masa hadapan.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ini kerana koperasi berupaya menjadi platform untuk memajukan lagi ekonomi golongan tersebut.

Menurut beliau, menerusi kegiatan koperasi banyak manfaat yang boleh diperoleh selain bimbingan ekonomi.

“Golongan autisme mampu melengkapkan keupayaan mereka untuk berhadapan dengan masyarakat serta membantu ibu bapa golongan itu menjela-

ni kehidupan yang lebih baik,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan program Angkasa Peduli Taman Agro di Arisma Ukay Perdana, Ampang dekat sini semalam.

Hadir sama Pengarah Pusat Permata Kurnia Kementerian Pendidikan, Dr. Hasnah Toran.

Pada majlis itu Abdul Fattah turut menyampaikan sumbangan Angkasa sebanyak RM7,000 kepada Arisma.

Sementara itu, Hasnah berkata, golongan autisme memerlukan sokongan masyarakat dan tidak semestinya dalam bentuk kewangan.

“Golongan ini memerlukan aktiviti untuk mengisi kehidupan seharian supaya mereka tidak tertekan,” ujarinya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA